



SinarIslam

SINAR HARIAN 29/7/2022 (Page 22)

# Turkiye terbitkan dua buku tentang Hagia Sophia



SEJARAH baharu tercipta apabila solat tarawih pertama diadakan di Masjid Besar Hagia Sophia selepas 88 tahun pada bulan Ramadan lalu.

**S**EMPENA ulang tahun kedua pembukaan semula Masjid Besar Hagia Sophia, Kerajaan Turkiye mengeluarkan buku yang memperincikan ciri-ciri seni bina masjid dan reaksi masyarakat tempatan terhadap penukarannya semula sebagai rumah ALLAH.

Bagi tujuan tersebut, Pengarah Komunikasi Turkiye dalam satu kenyataan pada Sabtu lalu melancarkan dua buah buku mengenai masjid berkenaan iaitu sehari sebelum ulang tahun kedua ia dibuka untuk beribadah.

Presiden Recep Tayyip Erdogan dalam pengantar buku berkenaan menyentuh tentang kepentingan bersejarah pembukaan masjid tersebut yang pernah 86 tahun menjadi muzium.

"Penukaran Ayasofya (Hagia Sophia) kembali menjadi masjid adalah impian yang menjadi kenyataan bukan sahaja untuk negara Turkiye, tetapi juga untuk semua umat Islam di seluruh dunia.

"Dengan ciri-ciri sejarah, agama dan budayanya, Masjid Besar Ayasofya adalah tindak balas terbaik terhadap Islamofobia yang semakin meningkat khususnya di Eropah dan membenci jenayah yang dilakukan terhadap umat Islam di pelbagai tempat di dunia," katanya sebagaimana dipetik menerusi laman web [trtworld.com](http://trtworld.com).

Bukan itu sahaja, Pengarah Komunikasi Turkiye

turut mengeluarkan dokumentari khas menceritakan kisah sembilan masjid di bandar berbeza Anatolia yang dinamakan Ayasofya, Ahad lalu.

Menelusuri historiografinya, Masjid Besar Hagia Sophia yang terletak di Istanbul itu sarat dengan sejarah dan nilai sentimental.

Ia pernah dimasukkan dalam senarai Warisan Dunia, Pertubuhan Pendidikan Kebudayaan dan Saintifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco) pada tahun 1985 serta menjadi destinasi pelancongan utama di Turkiye bagi pengunjung tempatan dan asing.

Malah, bangunan itu juga sebenarnya pernah berfungsi sebagai gereja selama 916 tahun.

Selepas Istanbul ditakluk, kawasan itu diubah menjadi sebuah masjid sekitar tahun 1453 hingga 1934 iaitu hampir 500 tahun.

Kali terakhir, ia dijadikan muzium selama 86 tahun sehinggalah pada 10 Julai 2020 apabila mahkamah di Turkiye membatalkan keputusan Kabinet pada tahun 1934 yang telah menjadikan Hagia Sophia sebagai muzium.

Akhirnya usaha itu membuka jalan kepada Ayasofya untuk kembali berfungsi sebagai masjid.

Monumen itu kini dipulihkan dan telah mengembalikan kegemilangan sebagai Masjid Besar Hagia Sophia pada 24 Julai 2020.

**HAGIA SOPHIA** kini kembali berfungsi sebagai masjid

